

CNS1165

U GB 21-06. '00173 BH776

AAB

Mahathir - Kerjasama

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

I

SANTIAGO, 21 Jun (Bernama)--Datuk **Seri Dr Mahathir Mohamad** berkata **bahawa** sebarang **kerjasama ekonomi di kalangan negara-negara rantau Pasifik** harus benar-benar menyumbang kepada keperluan negara-negara kecil di rantau ini seperti negara-negara pulau di Pasifik Selatan dan pertumbuhan seperti Asean.

Beliau memberi amaran **bahawa**, jika tidak, **kerjasama ekonomi seumpama** itu akan hanya **menjadi** alat untuk **meneruskan** ketidakseimbangan dan **dasar yang** sedia ada yang meletakkan **negara-negara** berkenaan dalam **keadaan yang** merugikan.

Perdana Menteri **bagaimanapun** menjelaskan, **walaupun Malaysia memandangkan** berhal-hal **seumpama** itu, **namun ia sedia terbuka kepada isu tersebut.**

Datuk **Seri Dr Mahathir** menegaskan kedudukan ini pada **ucapan pentingnya** bertajuk **+Kerjasama dan Saingan di Pasifik+** kepada anggota **Majlis Chile** bagi **Hubungan Antarabangsa** di sini pada malam **Jumaat.**

Katanya, beliau gembira **mendapati lebih** banyak negara di **bahagian dunia** sebelah sini kini **semakin menerima** sistem pasaran **bebas.**

+Negara-negara di Amerika Selatan kini **semakin menerima** **dasar-dasar** pasaran bebas, **liberalisme ekonomi dan pengurangan pelbagai peraturan.**-- Lagi.

♥21/06/15-14MST

CNS1168

U GB 21-06 00140 BH777

AAB

Mahathir - Kerjasama 2 Santiago

+Saya percaya, ini ialah syarat-syarat mutlak yang diperlukan untuk pertumbuhan **ekonomi yang dapat bertahan, + tambahannya.**

Perdana Menteri **berkata bahawa** dengan perubahan **dasar ini yang** mahukan **ekonomi** pasaran, Amerika Selatan akan mula **mengalami kadar pertumbuhan yang** tinggi.

Amerika Selatan juga akan menjadi **lebih bersepadu dengan sistem** perdagangan dunia **yang diperolehi hasil pengaliran perdagangan dan** pelaburan.

+Ini semua ialah perkembangan yang amat menarik yang berfaedah bukan sahaja bagi **Amerika Selatan** tetapi juga **Asia Timur** pada **keseluruhannya**, **+ jelas beliau.**

Datuk **Seri Dr Mahathir** berkata, **Asia Timur yang terkenal sebagai rantau** **paling** dinamik di dunia, kini mencatat **kadar pertumbuhan purata lebih** daripada **1** imaperatus.

Kebanyakan **daripada ekonomi Asia Timur** **dijangka** mencatat **kadar** pertumbuhan **yang lebih tinggi** daripada itu iaitu **antara tujuh dan 10** peratus tahun ini.-- Lagi.

♥21/06/15-17MST

CNS1172

U GB 21-06 00121 E-1778

AAB

Mahathir - Kerjasama 3 Santiago

+Secarakeseluruhannya, negara-negara Asia Timur telahpun menguasai lebih daripada 38 peratus perdagangan dunia .

+Menjelang akhir abad ini, rantau i tu akan mengatasi rantau-rantau lain dalam perdagangan dan al i ran pelaburan, produktiviti dan pertumbuhan,+ katanya.

Sambill menyifatkan kejayaanekonomi di rantau Asia Timur i tu disebabkan dasar pasaran bebas dan perdagangan bebas, Perdana Menteri menegaskan bahawa bukanlah menjadi kebetulan bahawa set iap negara yang telah mencatat kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi mengamalkan pasaran ekonomi **bebas** .

Beliau berkata, walaupun sis-tern itu tidak sempurna, tidak ada sistem lain yang wujud sekarang yang lebih baik.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ekoran perkembangan i tu, rantau Asia Timur sekarang berada di persimpangan jalan. -- Lagi.

♥21/06/15-20MST

U GB 21-06 00147 BH779

AAB

Mahathir - Kerjasama 4 Santiago

+Terdapat banyak dorongan yang menarik dan menolok kita dalam pelbagai hala. Inilah, sebagai contoh, tenaga ke arah kerjasama Pasifik yang lebih meluas melalui Persidangan Kerjasama Ekonomi Pasifik (PECC) dan Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC).

+Terdapat juga Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik atau APEC, +katanya.

Beliau berkata, Malaysia menyokong kerjasama seperti itu tetapi adalah penting untuk memast ikan bahawa ia akan benar-benar menyumbang kepada keperluan negara-negara kecil di Pasifik seperti negara-negara pulau di Pasifik Selatan dan pertumbuhan seperti Asean.

Mengenai APEC, beliau berkata, ia berpotensi menjadi sebuah pertumbuhan Se-Pasifik merangkumi beberapa perkumpulan kecil .

Beliau bagaimanapun menegaskan bahawa jika APEC mah Bergerak ke depan, matlamatnya perlu jnen jadi sebuah pertumbuhan dengan negara-negara anggotanya memilik i hak yang sama yang komited kepada perdagangan bebas dan kerjasama ekonomi, bukan sahaja secara prinsip tetapi juga secara amali.--Lagi.

♥21/06/15-36MST

CNS1204

U GB 21-06 00152 BH780

AA0

Mahathir - Kerjasama 5 Santiago

+Dalam pada itu, akan lebih meyakinkan, dan sudah tentu ia memberi keyakinan kepada kita, sekiranya mereka yang melaung-laungkan sokongan terhadap faedahnya menunjukkan komitmen mereka ke arah perdagangan bebas dengan nyata,+ katanyanya tanpa menamakan negara-negara itu.

+Chile dan negara-negara lain c!i dunia sebelah sini, sama seperti China dan Vietnam , perlu menyertai APEC dan berkerjasama dengan kita untuk mencapai matlamat-matlamat itu, + katanya.

Dalam ucapan selama 20 minit itu, Perdana Menteri juga menyentuh mengenai perkembangan ke arah penubuhan kawasan ekonomi serantau.

Beliau berkata, kemunculan kumpulan ekonomi serantau yang besar dan kuat akan member-i kesan kepada Asia Pasifik dan negara-negara rnebangun yang lain dalam banyak cara.

Kawasan perdagangan bebas Amerika Utara akan mempunyai satu pasaran berjumlah 360 juta orang dengan hasil tahunan sebanyak AS\$6 trilion, manakala EC mempunyai pasaran sebanyak 340 juta orang dengan hasil kira-kira AS\$5 trilion. -- Lagi.

♥21/06/16-01MST

CNS1218

U **GB 21-06 00107** BH781

AAB

Mahathir - Kerjasama 6 Santiago

+Sekiranya kumpulan-kumpulan itu tetap komited kepada perdagangan bebas dari dalam dan luar, ia sudah tentu membantu dengan banyaknya pertumbuhan ekonomi dunia.

+Tetapi kita tidak boleh lupa bahawa kumpulan-kumpulan itu juga mempunyai potensi untuk membawa keburukan selirinya prinsip-prinsip asas perdagangan bebas dikorbankan semata-mata untuk mencapai faedah jangka pendek.

+Walaupun sebelum kumpulan-kumpulan itu terbentuk sepenuhnya, kita sudahpun mengalami ketidaksabaran mereka.

+Jaminan apa yang dapat diberi bahawa keadaan tidak akan menjadi lebih buruk apabila pengaruh mereka bertambah,? +tanya Datuk Seri Dr Mahathir.

Perdana Menteri menguatkan hujahnya dengan memberi beberapa contoh yang nyata. -- Lagi.

♥21/06/16-16MST

AAB

Mahathir - Kerjasama 7 Santiago

Beliau berkata, negara-negara G-7 pada mesyuarat di Hotel Plaza New York pada September 1985 memutuskan bahawa dolar Amerika yang lemah diperlukan untuk membantu meningkatkan eksport Amerika Syarikat.

+Mereka kemudian mencampuri pasaran pertukaran asing untuk melaksanakan keputusan itu, yang kini dikenali sebagai Perjanjian Plaza. Ekoran daripada itu, dolar menjadi lemah manakala Yen dan mata wang negara-negara maju yang lain meningkat.

+Ini sudah tentu baik bagi eksport Amerika Syarikat tetapi bagi Malaysia, ia bermakna kita terpaksa menilai semula kerugian disebabkan pinjaman luar Yen, +katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, walaupun Malaysia dan negara-negara kecil yang lain telah terjejas dengan Perjanjian Plaza, mereka tidak dirujuk.

Mereka terpaksa menyesuaikan diri kepada perubahan itu yang hanya menguntungkan golongan kaya.

Satu lagi contoh ialah kempen terhadap minyak sawit Malaysia oleh kumpulan-kumpulan tertentu di Amerika Syarikat. -- Lagi.

♥21/06/16-20MST.

AAB

Mahathir - Kerjasama 8 Santiago

Kerana irihati dengan kejayaan Malaysia mengeluarkan minyak berkhasiat pada harga yang mampu bersaing, mereka melancarkan kempen memburuk-burukkan minyak itu dan mengecapnya sebagai racun.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, perundangan diskriminasi terhadap minyak kelapa sawit diperkenalkan pada peringkat persekutuan dan negeri.

+Apabila kami memper tahankan diri, kami dipanggil untuk bersemuka dengan suruhan jaya perdagangan antarabangsa, sebuah agensi pusat Amerika yang menuduh kita membuat tuntutan yang tidak berasas.+

Mengenai EABELIAU berkata, Malaysia mencadangkan penubuhannya memandangkan keadaan ekonomi antarabangsa yang tidak menentu. Ia juga sebagai sebuah forum bagi negara-negara Asia Timur untuk berunding mengenai cara-cara menegakkan sistem dagangan bebas.

+Kami telah menjelaskan bahawa memandangkan Asia Timur terlalu bergantung kepada aliran bebas dagangan, baik dari dalam dan luar negeri, kami fikir betapa perlunya untuk bersama-sama bagi memastikan sistem dagangan terbuka dalam kumpulan kita dan antara mana-mana anggota dan dunia lain,+ katanya.

+Seperti NAFTA (Kawasan Dagangan Bebas Amerika Utara), kami harap dapat membincangkan cara-cara mengurangkan sekat dan mengyalakkan pelaburan dan kerjasama, + tambahnya. --Lagi.

♥21/06/16-26MST

UGB 21-06 00184 BH784

AAB

Mahathir - Kerjasama 3 Santiago

Perdana Menteri memberi jaminan bahawa kumpulan itu tidak akan berpandangan singkat atau mengamal dasar perlindungan kerana Malaysia akan rug jika berbuat demikian.

Sebagai langkah pertama, cadangan itu kini dibincangkan sesama Asean walaupun terdapat tekanan yang kuat daripada luar untuk membantutkannya.

+Nampaknya negara-negara Asia Timur tidak dibenarkan untuk menubuhkan mekanisme perbincangan manakala blok dagangan wujud di mana-mana.

+Kami juga tidak dibenarkan untuk menggelar diri kami sebagai Asia Timur. Kami berdoa agar konfrontasi Timur-Barat yang tidak bermakna itu akan berakhir. Tetapi kewujudan satu polar tidak kurang juga merlberi ancaman,+ katanya.

Mengenai hubunyan dua hala antara Malaysia dan Chile, Perdana Menteri berkata, pengukuhan akan menjadikannya sebahayian daripada proses kerjasama Selatan-Selatan:

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, walaupun beliau sedar bahawa kerjasama Selatan-Selatan bukan merupakan penyelesaian terhadap semua masalah, namun ia merupakan bahagian penting kepada jawapannya.

Beliau berharap Chile akan terus memberi keutamaan kepada hubungan dengan Asia Timur selain daripada memperkukuhkan dagangan dengan negara-negara membangunnya.

Terdahulu itu, Perdana Menteri mengunjungi Presiden Chile, Patricio Aylwin di Istana Moneda. --Bernama.

♥21/06/16-30MST